

---

# MEMO

Kepada : Semua Kakitangan PPAS

Bil. Fail : Bil ( ) PA

Perkara : MAKLUMAN TENTANG 'JENAYAH SIBER DI INTERNET'

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa, Bahagian Teknologi Maklumat memperolehi maklumat dari Bahagian Jenayah Siber PDRM tentang jenayah siber. Sumber dipetik seperti berikut:-

'Polis Diraja Malaysia (PDRM) meningkatkan 'rondaan dalam internet' menerusi Bahagian Cyber Crime (Jenayah Siber) Bukit Aman bagi membanteras perbuatan menyalahi undang-undang, termasuk cubaan menjejaskan keselamatan negara melalui laman sosial yang semakin berleluasa. Difahamkan, Bahagian Cyber Crime Bukit Aman yang mirip peranan Cyber Cops (Polis Siber) di Amerika Syarikat itu, turut ditugaskan memantau blog dan web, perkhidmatan dalam talian serta jaringan komunikasi dan multimedia lain, termasuk menangani penipuan terhadap pengguna internet. Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan, berkata usaha itu dilakukan bagi menangani pelbagai jenayah di internet di samping membendung trend ugutan berbaur ancaman dalam laman sosial, Facebook yang semakin meningkat sejajar perkembangan pantas teknologi maklumat,'

3. Oleh itu BTM meminta kerjasama semua kakitangan PPAS untuk mematuhi segala undang-undang siber yang dikuatkuasakan.

Sekian, terima kasih

Tarikh: 19 Mac 2010

Tandatangan :

(HAIZIAH BTE ABU)  
PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAMT  
Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor